



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
(MARA)**

Bahagian Pengurusan Risiko & Inspektorat
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA,
No. 21, Jalan MARA,
50609 Kuala Lumpur

Bil. MARA: BPIN/104/12/41(26)

Tarikh: 10 Mac 2017

**SURAT EDARAN BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO DAN INSPEKTORAT MARA
BIL. 2 / 2017**

**NOTIS PENDAFTARAN LESEN KELAS LOJI RAWATAN KUMBAHAN
DI PUSAT PENTADBIRAN MARA**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Edaran ini adalah bertujuan untuk memberi panduan mengenai permohonan Notis Pendaftaran Lesen Kelas ke atas semua Loji Rawatan Kumbahan di Pusat Pentadbiran masing-masing.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 28, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) memberi mandat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk melaksanakan Notis Pendaftaran Lesen Kelas terhadap pemilik Sistem Pemetungan di semua agensi, syarikat dan badan korporat.
- 2.2 Laporan yang dikeluarkan oleh SPAN setakat Februari 2017 menunjukkan masih terdapat Loji Rawatan Kumbahan di Pusat Pentadbiran MARA yang belum didaftarkan.

- 2.3 Sebagai mematuhi Arahan ini, semua Pengawal Pusat perlu memastikan Loji Rawatan Kumbahan Persendirian masing-masing berdaftar dengan pihak SPAN bagi mendapatkan Lesen Kelas.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Meningkatkan tahap kebolehpercayaan dan kecekapan sistem rawatan kumbahan.
- 3.2 Meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran melalui perkhidmatan pembedungan yang sihat dan sistematik.

4. DEFINISI

- 4.1 **SPAN** bermaksud Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
- 4.2 **LRK** bermaksud Loji Rawatan Kumbahan
- 4.3 **Akta** bermaksud Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau Akta 655
- 4.4 **Sistem Pembedungan** bermaksud Sistem yang mengandungi pembedung, paip pelupusan, stesen pengepam atau tempat rawatan kumbahan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, kelengkapan dan perlengkapan lain (selain perpaipan pembedungan dalaman individu, perpaipan pembedungan dalaman bersama atau tangki septik) yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi pengumpulan, pembawaan, pengepaman atau perawatan kumbahan dan enap cemar kumbahan atau pelupusan efluen kumbahan terawat atau enap cemar kumbahan terawat selain daripada sistem pembedungan awam

- 4.5 **Perkhidmatan Pembetulan** bermaksud Pengumpulan, pembawaan, perawatan dan pelupusan kumbahan atau enap cemar kumbahan, dan termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem pembetulan dan penyahenap cemar tangki septik
- 4.6 **Kumbahan** bermaksud Apa-apa lepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan yang diperolehi daripada aktiviti domestik dan terhasil dari premis rumah, komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen, singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen terlarang
- 4.7 **Laporan efluen** bermaksud Apa-apa sisa dalam bentuk cecair atau air buangan yang terhasil daripada proses pengeluaran termasuklah rawatan air bagi pembekalan air atau mana-mana aktiviti yang berlaku
- 4.8 **Pegawai Mengawal Program** bermaksud Pegawai yang bertanggungjawab mengawal anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan sesuatu program.
- 4.9 **Pengawal Pusat** bermaksud Pegawai yang bertanggungjawab mengawal anggaran Belanja Mengurus sesuatu Pusat Belanjawan sama ada Bahagian, Unit (di Ibu Pejabat), Negeri atau Institusi Pendidikan MARA
- 4.10 **Pusat Pentadbiran MARA** bermaksud semua Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat serta pusat-pusat operasi seperti Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah dan Institusi Pendidikan MARA seperti Maktab Rendah Sains MARA, Kolej MARA, Kolej Profesional MARA, Institut Kemahiran MARA dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA serta Anak Syarikat MARA

5. PELAKSANAAN

- 5.1 Pengawal Pusat bertanggungjawab dalam memastikan status LRK di pusat masing-masing sama ada:
 - 5.1.1 Loji Rawatan Kumbahan Awam; atau
 - 5.1.2 Loji Rawatan Kumbahan Persendirian.
- 5.2 Notis Pendaftaran Lesen Kelas perlu dilakukan bagi semua loji yang berstatus Loji Rawatan Kumbahan Persendirian.
- 5.3 Tatacara dan borang yang diperlukan semasa pendaftaran adalah sebagaimana:
 - 5.3.1 Lampiran A: Garis Panduan Permohonan Notis Pendaftaran Lesen Kelas; dan
 - 5.3.2 Lampiran B: Senarai Semak Permohonan Notis Pendaftaran Lesen Kelas
- 5.4 Tempoh sah laku Lesen Kelas adalah selama tiga (3) tahun dan permohonan baru perlu dikemukakan kepada SPAN dua (2) bulan sebelum Lesen Kelas sedia ada tamat tempoh.
- 5.5 Dalam tempoh sah laku Lesen Kelas, Pengawal Pusat perlu memastikan selenggaraan terhadap Sistem Pembedungan dijalankan oleh kontraktor berdaftar dan bertauliah dengan SPAN bagi melaksanakan perkhidmatan pembedungan mengikut jadual.
- 5.6 Senarai kontraktor berdaftar dan bertauliah dengan SPAN beserta anggaran kos senggaraan boleh diperolehi daripada laman sesawang SPAN, <http://www.span.gov.my>
- 5.7 Pengawal Pusat perlu menghantar laporan efluen kepada SPAN mengikut jadual yang telah ditetapkan.

- 5.8 Pegawai Mengawal Program bertanggungjawab:
- 5.8.1 memantau proses Notis Pendaftaran Lesen Kelas bagi pusat dibawah seliaan masing-masing.
 - 5.8.2 menyediakan keperluan peruntukan bagi pusat-pusat di bawah seliaan bagi penyelenggaraan Sistem Pembedungan

6. PERUNDANGAN

- 6.1 Ketidakpatuhan terhadap Akta, Pengawal Pusat boleh dikenakan:
- 6.1.1 Seksyen 20(1)(4): Memperuntukkan bahawa seseorang yang melanggar seksyen ini iaitu tidak memegang suatu lesen kelas, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi **RM200,000.00** atau **dipenjarakan** selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya
 - 6.1.2 Seksyen 20(1): Memperuntukkan bahawa seseorang yang melanggar seksyen ini sekiranya gagal memperbaharui lesen kelas setelah lesen telah tamat tempoh, didenda tidak melebihi **RM200,000.00** atau **dipenjarakan** selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya
 - 6.1.3 Seksyen 130: Memperuntukkan bahawa permohonan yang didapati mengandungi maklumat tidak benar atau palsu atau mengelirukan, didenda tidak melebihi **RM200,000.00** atau **dipenjarakan** selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya

7. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI MENGAWAL PUSAT

- 7.1 Pegawai Pengawal Pusat adalah bertanggungjawab dalam memastikan Loji Rawatan Kumbahan didaftarkan dan mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh SPAN.

8. TARIKH KUAT KUASA

8.1 Surat Edaran ini berkuat kuasa serta-merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Membandarkan Luar Bandar”



SITI AMINAH BINTI ABDUL KADIR

Pengarah

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat

MARA

‘Keusahawanan dan Pendidikan Global’
‘Amanah rakyat’

